

Tiada lagi mangsa banjir Tok Muda

KAPAR - Pusat pemindahan banjir di Dewan Kampung Tok Muda ditutup secara rasminya kira-kira jam 3 petang semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Klang, Mohd Zainal Mohd Nor berkata, keseluruhan 236 orang melibatkan 53 keluarga dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.

Katanya, keputusan itu dibuat hasil perbincangan beberapa agensi termasuk Bomba, Polis, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan beberapa agensi lain sejam sebelum itu melalui satu mesyuarat khas.

"Maklumat daripada JPS memaklumkan air pasang dijangka menurun kepada 5.0 meter berbanding 5.1 meter pagi ini (pagi semalam).

"Tambahan lagi rumah di Kampung Tok Muda juga tidak lagi dinaiki air," katanya ketika ditemui Sinar Harian di Dewan Tok Muda, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, pusat pemindahan di Dewan Ahmad Razali, Batu 4, Jalan Kapar masih meneruskan operasi.

"Setakat ini jumlahnya ma-



MOHD ZAINAL

sih kekal 167 orang melibatkan 43 keluarga.

"Kita kena tengok kedudukan paras air pada 21 dan 22 Oktober ini barulah keputusan akan dibuat sama ada perlu menutup operasi di dewan berkenaan atau sebaliknya," katanya.

Mohd Zainal yang juga Pegawai Daerah Klang berkata, JPS memaklumkan jika parasnya menurun kepada 4.8 meter, operasi di dewan itu boleh ditutup.

"Paras berkenaan dikira sudah rendah dan ia dilihat mampu menampung air walaupun dalam keadaan beberapa ban pecah di Jalan Kebun Baru, Batu 4 Jalan Kapar," katanya.